



PERODU

Dulu buat
kerja kerani

Putih

BOS SYARIKAT MOTOR

Cheh: Ruzlan Mohd Jan Foto: Nasiruddin Takah



Bermula seawal usia 20-an wanita bertubuh sederhana dengan senyum ramah jatuh cinta sebaik sahaja melangkah kaki ke dalam antara industri yang amat mencabar ini.

"Sebelum ini saya pernah mencuba lain-lain bidang. Namun tiada keserasian. Terasa ada sesuatu yang kosong dalam jiwa. Tetapi berbeza apabila diberikan peluang mencuba bakat dalam bidang pemotoran. Terasa bagai saya telah menemui titik yang hilang," ceritanya ketika ditemui di pejabatnya di Jalan Klang Lama.

Biarpun hanya bermula dengan kerja-kerja kerani dan pentadbiran, anak ketiga daripada tujuh beradik ini cepat belajar. Bukan sahaja kerja yang melibatkan pentadbiran, tetapi juga perkhidmatan pelanggan, selok-belok perniagaan dan juga tentang kereta.

Walaupun banyak yang harus dipelajari namun bagi Che Putih proses pembelajaran tersebut adalah yang paling menarik. Ia bagaikan menemui dunia baru. Makin banyak yang diselenggarakan makin banyak yang perlu dipelajari.

Che Putih mengakui bahawa perkara inilah yang membuatkan dia leka dalam dunia pemotoran. "Setiap hari kita belajar sesuatu yang baru. Dan apa yang kita belajar itu menjadi semakin lama semakin menarik. Sehingga tidak pernah timbul rasa jemu dan membuat saya mampu bertahan sehingga 30 tahun."

Berada dalam dunia pemotoran yang diiktiraf sebagai dunia lelaki, bukanlah bermakna tiada peluang memajukan diri. Setelah 30 tahun Che Putih Zainal Abidin membuktikan bahawa usaha dan kemahuan dapat mengatasi segalanya.

"Kita kena ada daya tahan kerana cabaran yang datang bukan kecil. Ia datang dalam pelbagai bentuk dan dari banyak sudut. Sebab itu kita kena jadi kuat."

Wanita yang berasal dari Pokok Sena, Kedah ini mengakui bahawa cabaran untuk bertahan dalam dunia permatoran memang besar.

"Cabaran ini sama sahaja untuk semua orang. Tetapi ia lebih terasa jika kita wanita. Sebab ia sudah dicap sebagai dunia lelaki. Tetapi bagi saya jika ada kemahuan dan usaha, dengan izin Allah apa jua cabaran pasti dapat kita tempuh dan atasi," katanya yang kini mengetuai sebuah syarikat permatoran di bawah G-Mart Corporation.

Tambahnya lagi antara aspek penting yang perlu ada pada wanita yang ingin berjaya dalam dunia permatoran ialah mesti ada minat, kuat berusaha, dan berpengetahuan luas. "Tiga perkara ini menjadi tanggung kekuatan. Ia menambah baik dan menyokong antara satu dengan yang lain."

Selain itu menurut Che Puteh untuk bertahan dan bersaing daya tahan adalah amat penting sekali. "Kita kena ada daya tahan kerana cabaran yang datang bukan kecil. Ia datang dalam pelbagai bentuk dan dari banyak sudut. Sebab itu kita kena jadi kuat."

Namun di sebalik semua itu Che Puteh yakin bahawa seperti dirinya, wanita lain juga boleh berjaya dalam industri hebat ini. "Sekarang istilah dunia lelaki mahupun dunia wanita sudah tidak begitu diterima kerana lelaki sudah banyak dalam dunia wanita dan begitu sebaliknya. Sebab itu saya percaya jika wanita mahu berjaya di bidang ini ia bukanlah suatu yang mustahil."

Suka mencabar diri sendiri membuatkan wanita mampu menikmati pelbagai kejayaan sepanjang 30 tahun dalam industri ini. Antaranya pada bulan Mac tahun lalu syarikatnya berjaya menjual 150 unit kereta. Ini merupakan satu kejayaan besar yang cukup membanggakan.

"Seperti saya katakan jika ada kemahuan dan usaha, kejayaan bukanlah suatu yang mustahil. Sebab itu kita perlu sentiasa cabar diri kita, juga kaki tangan di bawah kita. Ia akan menjadi antara faktor pendorong sebab kita pasti mahu melihat apakah

kita mampu melakukannya ataupun tidak," katanya bersungguh-sungguh.

Baru-baru dia dan kaki tangannya sekali lagi menikmati saat manis apabila mereka menerima anugerah SSI atau Indeks Kepuasan Pelanggan (Sales Satisfaction Survey Index) daripada Perodua.

"Anugerah ini merupakan suatu penghormatan kerana ia tidak diberi sembarangan. Ia diberikan oleh Perodua kepada mana-mana syarikat permatoran setelah melalui satu standard yang ketat dan teliti berdasarkan maklum balas daripada pelanggan," jelasnya dengan wajah penuh kegembiraan.

Ibu kepada tiga cahaya mata ini mengakui bahawa untuk berada di tahap ini bukanlah suatu yang mudah. Banyak keringat dan air mata yang perlu diseka sebelum menikmati manisnya kejayaan.

Sebagai ketua dia yakin bahawa kejayaan itu juga bukan miliknya seorang. "Semua pekerja terlibat dan memainkan peranan masing-masing," Che Puteh memberitahu.

Mempunyai 30 orang pekerja di bawahnya, dia mengakui menganggotai pekerja sebagai anggota keluarganya.

sendiri. "Di sini saya menerapkan persekitaran kerja dalam suasana kekeluargaan. Saya adalah kakak, adik, mahupun ibu kepada semua kaki tangan. Mereka bebas untuk menyuarakan pendapat atau menyumbang idea untuk kebaikan bersama."

"Sebagai ketua saya bukan sahaja memberi tumpuan kepada kerja-kerja pentadbiran, tetapi juga membantu melicinkan segala urusan jual beli dan memudahkan perjalanan kerja antara jurujual dan pelanggan. Kita juga perlu tahu bagaimana untuk mengendalikan dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul antara pelanggan dan kaki tangan."

Dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar ini Che Puteh mengakui bahawa tugasnya bukanlah suatu yang mudah.

"Kita mesti kreatif dan ada perancangan yang bagus tentang cara bagaimana untuk menarik pelanggan. Inikarena kita bukan sahaja perlu bersaing dengan syarikat lain tetapi juga perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan pelanggan misalnya keperluan rumah tangga seperti makanan dan lain-lain.

"Dalam ekonomi yang mendesak orang akan memikirkan banyak kali sama ada mahu membeli kereta baru dibandingkan membeli makanan. Sebab itu kita perlu kreatif untuk menarik minat pelanggan dengan cara membuat mereka merasakan yang mereka memerlukan kereta baharu," dia memberitahu sambil tertawa kecil.

Selain itu katanya dia juga memberikan perkhidmatan selepas jualan. "Perkhidmatan kami bukan setakat di bilik pameran tetapi juga menjangkau hingga ke rumah."

Namun bukan hanya pelanggan yang menjadi keutamaan Che Puteh. "Pekerja adalah aset yang sangat berharga. Mereka nadi setiap perniagaan. Justeru saya merasakan perlu menjaga mereka sebaik mungkin."

Lantaran itu, kata Che Puteh yang dilahirkan pada 31hb. Ogos ini selain insentif untuk pelanggan dia turut menyediakan insentif menarik untuk

pekerja-pekerjanya.

"Selain komisen kami berikan juga mereka hadiah menarik seperti pakej melancong dalam dan luar negara. Semua ini bagi menaikkan semangat serta mengorong mereka untuk berusaha lebih kuat demi syarikat. Saya mahu mereka anggap syarikat seperti milik mereka sendiri. Jadi mereka akan berusaha kuat untuk memajukannya." ujarnya yang turut mengadakan hari bersama pelanggan bagi membantu menarik lebih ramai pelanggan.

Mengakui dirinya merupakan seorang yang teras, Che Puteh mengakui dia amat serius dan fokus ketika bekerja.

"Saya kalau dah memulakan sesuatu kerja saya akan pastikan ia selesai dengan jayanya. Saya bukan jenis orang yang buat kerja separuh jalan."

Di celah kesibukannya Che Puteh yang merupakan seliausaha Kelab Perodua mengakui bahawa keluarga adalah sumber kekuatannya.

Dia merasa bertuah kerana suami, Ahmad Azahar, 50, begitu kuat menyokong kerjayanya. "Dia adalah semangat saya. Walaupun kerjaya kami berbeza, tetapi dia sentiasa cuba memahami, juga menjadi teman berbincang apabila saya memerlukan nasihat dan pendapat."

Begitu juga dengan anak-anak Nor Asyiqin, (20), Nor Amiza (18) dan Muhamad Aiman (16). "Anak-anak adalah permata hati saya. Mereka sumber ilham. Mereka cukup memahami akan kesibukan ibunya dan memberi sokongan seperti

mana ayah mereka. Saya bersyukur punya suami dan anak-anak yang begitu menyayangi dan memahami saya," suaranya yang ceria bergelut manahan sebak.

Justeru itu Che Puteh memperuntukkan hari Sabtu dan Ahad sebagai hari untuk suami dan anak-anak. "Saya sentiasa mencari masa untuk bersama mereka tanpa mengira hari. Namun dua hari itu memang hari istimewa untuk mereka. Hari itu kami akan buat apa sahaja yang kami sukai bersama-sama. Tanpa mereka belum tentu saya dapat berada di tempat saya sekarang ini," akunya di akhir pertemuan. K

